

Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Ke-29 Parti Gerakan Rakyat Malaysia

Hotel Equatorial, Pulau Pinang 23 September 2000

Saya ucapkan terima kasih kepada Parti Gerakan Rakyat Malaysia kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan di Pulau Pinang hari ini iaitu yang ke-29.

2. Setelah sekian lama ia diadakan di Kuala Lumpur kali ini saya dipaksa datang ke Pulau Pinang untuk merasmikan persidangan perwakilan Parti Gerakan di Pulau Mutiara yang indah permai ini. Saya percaya ada hikmahnya persidangan ini diadakan di sini.

3. Kita tahu Pulau Pinang adalah pangkalan Parti Gerakan yang utama sejak ia ditubuhkan dulu. Parti Gerakan mempunyai bilangan anggota yang ramai di negeri ini hingga ia menjadi kubu terkuatnya. Dari Pulau Pinanglah Parti Gerakan ini berkembang ke seluruh tanah air terutama di negeri-negeri pantai Barat Semenanjung. Kini Parti Gerakan begitu berpengaruh dan terus menjadi salah satu parti komponen Barisan Nasional yang begitu teguh dan setia.

4. Berasas kepada kesetiaan dan semangat setiakawan di kalangan anggota parti-parti komponen Barisan Nasional, Parti Gerakan terus diberi kepercayaan menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Negeri ini terus-menerus mempunyai Ketua Menteri yang dilantik daripada anggota Parti Gerakan. Jika sekalipun bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri yang diduduki oleh Parti Gerakan adalah kecil sedikit daripada kerusi parti-parti komponen Barisan Nasional Pulau Pinang yang lain iaitu UMNO dan MCA, teraju pemerintahan negeri ini terus diberikan kepada Parti Gerakan.

5. Inilah semangat musyawarah yang ditunjukkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Kita cuba mengagihkan peranan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya semua parti mendapat tempat dan tidak ada parti yang ketinggalan. Ini bukanlah mudah kerana ada jawatan-jawatan yang amat diminati oleh semua pihak tetapi tentulah tidak dapat diberi kepada semua. Perpaduan dalam parti campuran di negara-negara lain tidak berjaya kerana berlaku rebutan tempat. Apabila mana-mana pihak kecewa maka ia akan keluar daripada parti campuran dan akan runtuhlah Kerajaan. Tetapi dalam Barisan Nasional walaupun ada rebutan tetapi kesederhanaan dan kesanggupan bertolak ansur dan menerima realiti membolehkan kita terus bersatu dan mengekalkan kuasa kita. Saya harap kita semua, daripada semua parti, akan bersikap demikian supaya negara kita terus memiliki Kerajaan yang kuat yang dapat menstabilkan dan memajukan negara.

6. Jelas sekali budaya berbaik-baik, tidak tamak dan saling percaya-mempercayai yang kita pupuk selama ini di bawah payung Barisan Nasional memberi keyakinan kepada rakyat untuk terus mendokong kita. Keyakinan rakyat ini hendaklah kita pelihara dengan memastikan Barisan Nasional tidak mengutamakan kepentingan parti atau individu lebih daripada kepentingan

rakyat.

7. Di dalam Barisan Nasional kita tidak perlu membuang masa berdebat tentang perkara-perkara yang membezakan rakyat yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama. Di dalam Barisan Nasional kita berbincang mencari titik pertemuan dan titik persamaan untuk memajukan setiap anggota masyarakat kita. Inilah perjuangan utama Barisan Nasional yang sehingga kini menunjukkan hasil yang berkesan dan nyata. Ingatlah dalam Barisan Nasional tidak akan ada parti yang akan mendapat semua yang dikehendaki dan tidak akan ada parti yang tidak mendapat apa pun bagi dirinya.

8. Baru-baru ini kita merayakan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-43. Seluruh rakyat tidak mengira taraf kedudukan merayakan nikmat kebebasan di negara ini. Nikmat ini tidak mungkin dapat dikecapi oleh rakyat di sesetengah negara walaupun negara mereka sudah merdeka.

9. Saya berkata demikian kerana nikmat kemerdekaan yang rakyat kita kecapai adalah istimewa. Kita merayakan kemerdekaan dan kebebasan kita di tengah-tengah kemajuan, kemakmuran dan keamanan negara. Tidak ada sebarang halangan atau tekanan yang mengganggu fikiran, jiwa dan perasaan kebebasan kita.

10. Di beberapa negara rakyat mereka turut menyambut hari kemerdekaan tanah air mereka. Tetapi tidak seperti kita, mereka menyambutnya dengan perasaan terbelenggu. Ini kerana suasana dalam negara mereka telah mencengkam kehidupan mereka. Negara mereka masih dilanda kemiskinan, kemunduran, rusuhan, ketidakstabilan politik dan kemerosotan ekonomi.

11. Ada negara-negara ini yang sudah merdeka dibelenggu semula oleh Barat melalui agensi-agensi mereka seperti IMF dan Bank Dunia. Ini kerana beban hutang negara-negara ini memaksa mereka diletakkan di bawah telunjuk kuasa asing. Selain itu, banyak negara yang sudah merdeka menjadi mangsa kolonialisme Barat melalui penjajahan ekonomi hasil daripada globalisasi dan liberalisasi peraturan perdagangan dunia.

12. Jelas rakyat dan negara kita amat bertuah. Maruah dan kedaulatan bangsa dan rakyat kita dapat kita dilindungi dan kita pertahankan. Inilah erti sebenar kemerdekaan di Malaysia.

13. Justeru itu, rakyat daripada semua kaum hendaklah sentiasa bersama-sama memelihara negara kita yang tercinta ini. Kita tidak mempunyai tempat lain lagi selain tanah air dan tanah tumpah darah kita ini yang menjadi tempat tinggal kita. Kita hendaklah bersedia mempertahankan kedaulatan dan kebebasan kita.

14. Di samping itu, kita juga hendaklah sama-sama berwaspada terhadap perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan perpaduan kaum dan keamanan negara kita. Kita hendaklah memastikan matlamat pembangunan jangka panjang kita untuk semua kaum tidak terjejas kerana angkara golongan-golongan ekstrimis perkauman atau agama yang berfikiran sempit dan militan.

15. Baru-baru ini negara kita telah dikejutkan dengan peristiwa rompakan senjata di sebuah kem tentera di Perak oleh satu gerombolan pengikut sebuah pertubuhan yang didorong oleh pemikiran yang keterlaluan. Jika kita tidak berwaspada peristiwa sedemikian boleh berulang dan membahayakan lagi kehidupan rakyat dan keselamatan negara kita. Tidak pernah terlintas di kepala kita bahawa peristiwa seperti ini yang sering kita lihat berlaku di luar negara boleh juga berlaku di negara kita. Tetapi itulah kenyataannya.

16. Juga tercetus baru-baru ini satu polemik berhubung dengan hak kaum tertentu. Memang benar ada perasaan tidak puas hati berkenaan perkara-perkara tertentu di kalangan semua kaum di Malaysia. Sementara kita boleh bincang perkara-perkara ini, ia hendaklah dibuat dengan cara tertutup. Jika kita adakan perbahasan terbuka tidak dapat tidak perasaan tidak akan dapat dikawal. Besar kemungkinan rusuhan kaum akan berlaku. Ini akan merugikan semua pihak.

17. Di antara negara-negara berbilang kaum di dunia, tidak banyak yang aman. Selalunya perbezaan pendapat antara kaum menyebabkan rusuhan berlaku. Rusuhan ini biasanya berpanjangan sehinggalah tidak mungkin penyelesaian tercapai. Tetapi di Malaysia walaupun terdapat tiga kaum yang besar dan hampir 30 suku kaum, rusuhan kaum hanya berlaku sekali sahaja iaitu pada 1969.

18. Kita harus berbangga dan bersyukur dengan keadaan harmoni di negara kita. Janganlah sesiapa begitu tidak sensitif dan mengungkit tentang kepentingan mereka sehingga keharmonian di negara kita terancam, retak dan hancur.

19. Walaupun kita boleh berpuashati dengan keharmonian antara kaum, kita perlu berusaha supaya perhubungan antara kaum menjadi lebih erat. Usaha ini perlu dibuat awal-awal lagi. Sebab itu kita ingin lihat rakyat daripada semua kaum dan suku kaum tinggal di kawasan perumahan yang sama. Amatlah tidak sihat jika masing-masing kaum mempunyai perumahan yang berasingan. Lebih tidak sihat lagi ialah satu kaum tinggal di rumah-rumah mewah dan kaum lain tinggal di rumah murah atau rumah setinggan.

20. Pengusaha perumahan dan bandar-bandar baru hendaklah menentukan semua kaum akan tinggal bersama dan berniaga bersama di projek-projek perumahan dan bandar-bandar baru. Agihan rumah dan kedai mestilah adil. Kerajaan sedang berusaha supaya matlamat ini akan tercapai melalui projek 'Prosper'.

21. Di peringkat pra-sekolah dan sekolah juga semua kaum mesti ada bersama. Kita tidak berhajat menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan di Malaysia, sesuatu yang istimewa di negara ini. Sebenarnya tidak ada negara di dunia sama ada maju atau tidak maju yang membenarkan rakyat yang berasal daripada kaum pendatang mengadakan sekolahnya sendiri. Tetapi atas desakan kaum bukan Melayu kita membenarkan sekolah kaum lain diadakan. Walaupun kita tidak berhajat untuk mengassimilasi kaum lain, tetapi sekurang-kurangnya

kita patut integrasikan kaum-kaum melalui penempatan sekolah bersama.

22. Pendekatan ini amatlah sederhana. Sekolah masih berasingan, hanya perhimpunan dan sukan sahaja yang akan diadakan bersama. Amatlah sedih apabila ini dijadikan isu perkauman dan tentangan yang hebat diadakan.

23. Apabila rakyat berpindah ke pusat pertumbuhan baru maka kita tidak dapat elak daripada mengadakan sekolah-sekolah yang baru. Lagipun bilangan penduduk dan kanak-kanak sudah bertambah. Apa salahnya jika sekolah-sekolah dari aliran yang berlainan ditempatkan di kampus yang sama untuk kita rapatkan penuntut-penuntut sekolah daripada pelbagai kaum? Apakah rakyat negara ini ingin melihat generasi akan datang tidak langsung berkenalan semasa mereka bersekolah? Bilangan bukan Bumiputera yang pergi ke sekolah kebangsaan sudah berkurangan kerana sebab-sebab tertentu. Jika sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dipisah sehingga murid dari sekolah-sekolah ini tidak akan bertemu sama sekali, apakah dapat kita mengekalkan harmoni antara kaum yang terdapat sekarang?

24. Di universiti penuntut sekali lagi diasingkan. Apabila percubaan dibuat untuk menempatkan penuntut di asrama yang sama ada yang menentang, kononnya ini akan mengganggu mereka. Dunia yang sebenar 'the real world', memaksa kita bertemu dan berurusan dengan orang daripada bangsa lain. Jika kita tidak pernah berjumpa dengan orang daripada bangsa lain, tentulah kita tidak dapat menjalin hubungan yang bermakna dengan mereka.

25. Di luar negara pula apabila penuntut dihantar untuk belajar mereka bukan sahaja tidak bercampur dengan orang tempatan, atau penuntut lain dari Malaysia yang terdiri daripada kaum lain, tetapi mereka tinggal hanya dengan penuntut-penuntut dari negeri masing-masing; orang Kelantan dengan orang Kelantan, orang Kedah dengan orang Kedah dan seterusnya. Jika tujuan menghantar mereka ke luar negara ialah untuk memperluaskan pandangan mereka, ini tidak mungkin tercapai kerana pada asasnya mereka masih berada di negeri masing-masing.

26. Kita ingin merapatkan rakyat negara kita. Kita tidak berhajat untuk sesiapa mengassimilasi sesiapa. Kita hanya ingin rakyat Malaysia daripada berbilang kaum dan negeri- negeri yang berlainan belajar hidup bersama sebagai satu bangsa. Dengan ini semua akan lebih setia kepada negara dan dapat sama-sama membangunkan negara yang tercinta ini. Sudah tentu kita tidak akan capai matlamat yang terhad ini jika ada sahaja tentangan terhadap sebarang usaha untuk menjalin hubungan yang baik dan kefahaman sesama kita.

27. Hari ini jika terdapat kerjasama antara kaum, ianya disebabkan oleh politik Barisan Nasional. Jika tidak kerana parti-parti komponen Barisan Nasional yang dianggotai oleh berbagai-bagai kaum, berani bekerjasama, hari ini kaum-kaum di Malaysia akan bermusuhan-musuhan. Tiap kali pilihanraya diadakan ada sahaja ugutan yang dibuat terhadap parti-parti komponen supaya mereka tolak kerjasama antara kaum, tolak sikap kesederhanaan jika mereka ingin dapat sokongan. Tetapi parti-parti komponen Barisan Nasional tidak gentar. Mereka

terus mendokong prinsip kerjasama antara kaum walaupun kadang- kadang sokongan kepada mereka merosot. Walaupun merosot di negeri-negeri tertentu tetapi di peringkat pusat Barisan Nasional masih juga dapat jumlah kerusi yang mencukupi untuk mendirikan Kerajaan yang berwibawa dan berkesan.

28. Hakikat ini mesti diingati oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Kita tidak boleh membenarkan diri kita dipengaruhi oleh sentimen perkauman yang keterlaluan. Sementara kita yang mewakili kaum-kaum tertentu perlu mempertahankan hak dan kepentingan kaum kita, tetapi kita juga harus mengambilkira kepentingan dan sensitiviti kaum-kaum lain. Dengan ini kita tidak akan meminta yang bukan-bukan, yang keterlaluan bagi kaum kita.

29. Di Malaysia tidak akan ada mana-mana kaum yang akan mendapat semua yang dituntut olehnya. Tiap kaum terpaksa berkorban sedikit sebanyak daripada haknya. Tiap kaum terpaksa kecewa. No one will get all that he thinks is his right, no one will lose all that he has a right to. But unfortunately it is entirely possible for all of us to lose everything. And that will happen when we become unreasonable in our demands, when we confront each other and when we finally resort to violence. When we do that the whole country will go up in flames and there will be nothing left for us.

30. Saya berharap kita semua sedar dan insaf setelah menyaksikan sendiri segala peristiwa yang berlaku di sekeliling kita. Kita tidak mahu rakyat dan negara kita binasa kerana kesilapan, kekebalan dan kejahilan kita sendiri. Kita hendaklah mengikut langkah yang sudah sedia diatur oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi memastikan matlamat kita tercapai iaitu untuk membina bangsa Malaysia yang bebas, maju, berjiwa besar, bermaruah, kuat dan makmur. Hanya Barisan Nasional sahaja yang mampu mencapai matlamat ini.

31. Dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia ke-29 ini.